

0505

B 8316 AAB

EMBARGO UNTUK SIARAN SELEPAS 10 MALAM INI (25 APRIL)

-----  
MAHATHIR-PERUBATAN

KUALA LUMPUR, 25 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENELITI KEMUNGKINAN MEMAJAK HOSPITAL AWAM KEPADA SEKTOR SWASTA DAN MEMBENARKAN DOKTOR SWASTA BEKERJA DI HOSPITAL AWAM MENGIKUT JADUAL TERTENTU, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

INI SELARAS DENGAN DASAR PENSWASTAAN KERAJAAN TERHADAP PERKHIDMATAN PERUBATAN, KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM PERSATUAN DOKTOR-DOKTOR PERUBATAN MALAYSIA (MMA) DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA PELAKSANAANNYA MUNGKIN DIBUAT DALAM TEMPOH BEBERAPA TAHUN AKAN DATANG.

SETAKAT INI SEBUAH HOSPITAL AWAM, LADY TEMPLER, TELAH PUN DIPAJAKKAN KEPADA SEBUAH SYARIKAT SWASTA. WALAUPUN BARU-BARU INI TIMBUL KERAGUAN TERHADAP HOSPITAL ITU TETAPI DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP MASALAH ITU AKAN SELESAI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN JUGA TELAH MENGENALPASTI BEBERAPA PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG MUNGKIN DISWASTAKAN. -- LAGI.  
1924MST 25 04 86

B 8318 AAB

MAHATHIR-PERUBATAN 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAAN JUGA AKAN MENGGALAKKAN PENUBUHAN ORGANISASI PENGURUSAN KESIHATAN SEBAGAI SATU LANGKAH BAGI MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGENDALIAN DAN MENYUSUN SEKTOR PERUBATAN SWASTA SUPAYA LEBIH BERKESAN DALAM MEMBANTU KEMUDAHAN KESIHATAN AWAM, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA RANCANGAN YANG DIUSAHAKAN ITU MENUNJUKKAN CITA-CITA KERAJAAN MEMBERI GALAKAN KEPADA SEKTOR PERUBATAN SWASTA UNTUK MEMAINKAN PERANAN PENTING KEPADA PENDUDUK PADA MASA DEPAN.

BELIAU BERHARAP PARA DOKTOR SWASTA MENENTUKAN BAHAWA PERKHIDMATAN MEREKA TURUT DINIKMATI OLEH PENDUDUK BERPENDAPATAN RENDAH DAN KURANG BERNASIB BAIK.

SEHUBUNGAN DENGAN INI DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN RASA TIDAK PUASHATINYA DENGAN PERKEMBANGAN PERUBATAN SWASTA YANG HANYA TERTUMPU DI KAWASAN BANDAR DALAM NEGERI-NEGERI YANG BERPENDAPATAN TINGGI SEPERTI WILAYAH PERSEKUTUAN, SELANGOR, PULAU PINANG DAN PERAK.

KERAJAAN BERHARAP MMA DAPAT MEMBANTU MENGGALAKKAN LEBIH BANYAK PENGAMAL PERUBATAN SWASTA BERKHIDMAT DI BANDAR-BANDAR KECIL BAGI MENINGKATKAN KEMUDAHAN PERUBATAN KEPADA PENDUDUK KAWASAN ITU, KATANYA. -- LAGI.

1926MST 25 04 86

MAHATHIR-PERUBATAN 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DALAM PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN KESIHATAN, KERAJAAN TELAH MERANGKAKAN SUPAYA SEKTOR AWAM DAN SWASTA MEMAINKAN PERANAN YANG SALING MELENGKAPI BAGI MENJAYAKAN DASAR PERUBATAN NEGARA.

KATANYA, SETAKAT INI SEKTOR SWASTA MEMBUKTIKAN KEUPAYAANNYA UNTUK BERKEMBANG. SEHINGGA TAHUN 1984, SEBANYAK 54 PERATUS DARIPADA JUMLAH BILANGAN DOKTOR DI NEGARA INI DARIPADA SEKTOR BERKENAAN.

BELIAU YAKIN DENGAN USAHA KERAJAAN DAN KERJASAMA SEKTOR PERUBATAN SWASTA MELALUI PROGRAM KESIHATAN YANG DIRANCANGKAN; TARAF HIDUP MASYARAKAT NEGARA INI AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN PERUNTUKAN BERJUMLAH \$698 JUTA BAGI PERKHIDMATAN KESIHATAN DAN PERUBATAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KELIMA DIBELANJAKAN UNTUK PEMBINAAN HOSPITAL-HOSPITAL BARU DAN PERKHIDMATAN DI LUAR BANDAR.

TUMPUAN AKAN TERUS DIBERI KEPADA PERKHIDMATAN KESIHATAN DI LUAR BANDAR BAGI MENAMBAH KEMUDAHAN RAWATAN ASAS DAN MENGURANGKAN PERBEZAAN DALAM PEMBERIAN RAWATAN DI KALANGAN NEGERI-NEGERI. --  
BERNAMA

1928MST 25 04 86